UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi

# e-Buletin




# PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

EDISI 2021 . JILID 3 . JULAI

KERJA BERPASUKAN .PRIHATIN. PENYAYANG . PROFESIONALISME

# SIDANG EDITOR

**PENAUNG / PENASIHAT** :YBhg. Prof Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor

**PENGARAH** :PM Ts Dr Aini Jaapar

**KETUA EDITOR** :Ts Dr Wan Zuraida Wan Mohd Zain

**AKADEMIK** :PM Dr Mazlina Mahdzar

Ahmad Shahril Azwan Abdul Rahim

**ALUMNI &PROMOSI** :Mohamad Azizi Abdul Hazis

Rosdiana Abd Razak

**REKA LETAK** :Nur Atika Syuhada Khairul Anwar

Muhammad Akram Rahman

**TEKNIKAL** :Hazira Ahmad

Norazlina Musa

Suzaini Selaiman@ Saliman

**PENYUMBANG ARTIKEL:**

Dr Nor Azmaniza Azizam

Haji Muliyadi Guliling

Mohamad Sayuti Md Salleh

Nurdiana Hassan

Suhaiza Hassan

Ts Siti Nafisah Md Rashid

Wan Mohd Yaseer Bin Mohd Abdoh

Siti Zarikh Sofia Abu Bakar

Jamri Awang Besar

Zahid Laton

Zarina Salim

# ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN | MUKA SURAT


1. Dari Meja Pengarah Pesanan Tahun Baru 5
2. Program Food Bank Yapeim PPT UiTM Terengganu 7
3. Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) Bersama Misi Akademik UiTM Perlis 8
4. Program UiTM Prihatin Penerokaan Tanpa Sempadan Bagi Pelajar Program Pra Pendidikan Tinggi, UiTM Cawangan Kedah 9
5. UiTM PRIHATIN : Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTMCJ-Kalkulator Saintifik 11
6. UiTM PRIHATIN : Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTMCJ-Nombor Pin BSN 12
7. UiTM PRIHATIN : Program Motivasi Diri Bersama Pelajar Pra Pendidikan Tinggi Dengan Kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling 13
8. Bengkel Dan Perbincangan Analisisa Data Kualitatif Dan Penerbitan Jurnal Impaks Tinggi 14
9. Taklimat Pra Pendidikan Tinggi Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota, Kuantan, Pahang 15
10. Program Kami Prihatin 4.0 UiTM Prihatin Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang 16
11. Lawatan Muhibah Ke ISN 17
12. Program 1person 1can (1p1c), Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan Serta Pra Pendidikan Tinggi, UiTM Perlis 18
13. Program Ziarah UiTM Prihatin PPT UiTM Pulau Pinang 19
14. Lawatan Muhibah Ke Pejabat Bahagian Transformasi Universiti 20
15. Taklimat Pra Pendidikan Tinggi Bersama Sekolah Menengah Haji Muhammad, Bahau, Negeri Sembilan 21
16. Bakul Makanan UiTM Prihatin 2.0 PPT Uitmcsh Semester Mac – Ogos 2021 22
17. Sumbangan Duit Raya UiTM Prihatin 2.0 PPT Uitmcsh Semester Mac – Ogos 2021 23
18. Program Salam Aidilfitri PPT UiTMCPP Prihatin 2021 24
19. Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) Ke UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang 25
20. Alumni Berbudi, PPT Berbahasa 27
21. Taklimat Pra Pendidikan Tinggi Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Mohamad Ali, Ranau, Sabah & Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tunku, Miri, Sarawak 28
22. Sesi Taklimat Bersama PPT UiTM Negeri Sembilan Dalam Siri 2 Bersama SMK Datuk Hj Abd Samad 29
23. Sesi Taklimat Bersama PPT UiTM Pulau Pinang Dalam Siri 2: Cerita-Cerita Kampus 30

# ISI KANDUNGAN


| KANDUNGAN | | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- |
| 24. | Perbincangan PPT UiTM Kelantan Dan Jabatan Pendidikan Daerah | 31 |
| 25. | Ekspo Maya Selangkah Ke UiTM 2021: Peluang ke UiTM Melalui Program Pra Diploma | 32 |
| 26. | Sesi Taklimat Bersama PPT UiTM Negeri Sembilan Dalam Siri 2 Bersama SMK Datuk Hj Abd Samad | 33 |
| 27. | Taklimat Selangkah Ke UiTM Bersama Majlis Sukan Negeri Kelantan | 34 |
| 28. | Forum Selangkah Ke Menara Gading | 35 |
| 29. | Program Selangkah Ke Masa Hadapan Bersama ICEPS NCER | 36 |
| 30. | Taklimat Pra Pendidikan Tinggi Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Pahang | 37 |
| 31. | Mesyuarat Penyelarasan Lepasan SPM Murid Orang Asli Tahun 2020 | 38 |
| 32. | Forum Pengambilan Ke IPT: UiTM Pulau Pinang | 39 |
| 33. | A CSR Program From Final Year Student Of Mechanical Engineering With PPT | 40 |
| 34. | Sesi Taklimat MAYA ”Selangkah Masuk Ke UiTM Cawangan Pulau Pinang:Laluan Khas Atlet” | 41 |
| 35. | Taklimat Pra Pendidikan Tinggi Bersama Majlis Guru Kaunseling Negeri Melaka | 42 |
| 36. | Taklimat Pra Pendidikan Tinggi UiTM 2021 | 43 |
| 37. | Improving Yourself: The Believe In Self-Empowerment: PPT UiTM Pahang | 44 |
| 38. | Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Perak Bersama Guru-Guru | 45 |
| 39. | Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM 2021 Laluan Atlet | 46 |
| 40. | Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM 2021 | 47 |
| 41. | PPT Innovative Research Invention And Application Exhibition: I-RIA 2021 | 48 |
| 42. | Planning For Future Excellence 2021 | 49 |
| 43. | Program Persediaan PPT UiTM Bagi Melahirkan STEM Dalam Cabaran Abad Ke-21 | 50 |
| 44. | Program Bual Bicara Alumni : Bringing Access To Succes, Everyone Is An Achiever | 51 |
| 45. | Berita Staf | 52 |
| | Hebahan poster: | |
| | Rakan Strategik PPT | 53 |
| | Tabung Amanah PPT | 54 |
| | Fasa-Fasa Penawaran Pra Diploma Sesi Kemasukan Oktober 2021 | 55 |
| | Carta Alir Proses Permohonan Pra Diploma (PPT) Dalam Talian Sesi Oktober 2021 | 56 |
| | Poster Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) | 57 |

# DARI MEJA PENGARAH

## PESANAN TAHUN BARU



Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya buat julung kalinya penerbitan pertama bulletin PPT dapat kita realisasikan.

Dengan berkat dan rahmatNya juga dapat kita merealisasikan program-program PPT sepanjang tahun 2020 di saat negara sedang dilanda pandemik Covid-19. Tahun 2020 telah menutup tirainya dan kita telah melalui norma baharu dalam budaya kerja yang mana ia memberikan kita lebih komitmen kepada pihak pengurusan UiTM, staf, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar PPT. Sistem pendidikan yang mengamalkan pembelajaran atas talian telah memberikan impak kepada pelajar-pelajar dan juga pengurusan untuk lebih kompeten terhadap ilmu teknologi dan komunikasi.

Usaha dan komitment dari semua pihak terutamanya koordinator-koordinator PPT dari semua 14 cawangan, pensyarah -pensyarah PPT yang mengajar serta pihak pengurusan PPT telah membantu proses pembelajaran pelajar PPT berjalan dengan sempurna. UiTM juga amat prihatin terutamanya kepada pelajar-pelajar B40 PPT dan pelancaran program PPT UiTM Prihatin 2020 banyak memberi suntikan semangat pelajar-pelajar untuk belajar.

# DARI MEJA PENGARAH

## PESANAN TAHUN BARU

Penularan wabak covid-19 sejak Mac 2020 tidak mematahkan semangat pihak PPT untuk membuat promosi dan hebahan. Namun tetapi pelbagai inisiatif diatas talian dan media sosial telah dilancarkan antaranya hebahan melalui Facebook Page PPT, Facebook Page Alumni PPT, Laman Sesawang PPT, komunikasi korporat serta penampilan Facebook Live. Tidak hairanlah PPT terus mendapat tempat di hati calon-calon lepasan SPM yang tidak mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi IPTA.

Tahun 2021 menyaksikan bahawa PPT telah berubah dengan lebih dinamik dimana pengambilan telah dibuka kepada calon-calon daripada keluarga Non B40. Ia juga turut dibuka kepada pelajar-pelajar PPT yang tamat program pra-diploma untuk meneruskan pengajian ke diploma UiTM PPT secara penerapan secara terus ke semester terhampir berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Fungsi program PPT ini boleh memberi manfaat kepada bakal calon-calon juga keluarga mereka.

Memasuki tahun 2021 ini, pelbagai program telah dirancang oleh pihak PPT di seluruh sistem untuk lebih bersiapsiaga, dinamik dan pragmatik melakukan apa yang perlu untuk memastikan ia kekal relevan serta kompetitif melakukan penambahbaikan dalam suasana semasa yang sangat mencabar. PPT percaya dengan apa yang kita lalui pada tahun 2020, menjadikan kita semua lebih matang dan lebih berpengetahuan dalam kapasiti kita sebagai pendidik, penyelidik dan staf. PPT mempunyai ahli kumpulan yang berbakat dan bertenaga untuk merealisasikan hasrat universiti dalam mempersada kecemerlangan institusi.

Prof Madya Ts Dr Aini Jaapar
Pengarah PPT

# Program Food Bank Yapeim PPT UiTM Terengganu.

Oleh: Jamri Awang Besar

Tarikh: 3 & 4 Februaril 2021







Semua pelajar B40 yang tinggal dalam kampus UiTM Terengganu telah menerima sumbangan makananan daripada pihak YAPEIM. Seramai 55 pelajar PPT terlibat dalam sumbangan tersebut.

Sumbangan sekitar RM5000 adalah antara program UiTM Prihatin dalam membantu pelajar semasa proses pembelajaran pandemic covid ini.

# Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) Bersama Misi Akademik UiTM Perlis.

Oleh: Wan Mohd Yaseer Bin Mohd Abdoh

Tarikh: 25 Mac 2021
Tempat: Dewan Besar, SMK Syed Saffi, Simpang Empat, Perlis






SIMPANG EMPAT: Sebaik tamat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 kepada calon – calon aliran sains tulen, keesokannya Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPT) bersama pasukan Misi Akademik, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis (UiTM Perlis) telah mengambil peluang untuk menyampaikan maklumat kepada calon daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Saffi.

Pada sesi taklimat berkenaan, sesi dimulakan oleh Prof. Madya Dr Mohamad Fadhili Yahya selaku Koordinator Misi Akademik dengan menyampaikan kata aluan serta motivasi kepada calon SPM. Program seterusnya disambung oleh wakil daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Fakulti Perakaunan (FP), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), Fakulti Sains Gunaan (FSG), Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) dan Fakulti Peladangan dan Agroteknologi (FPA).

Taklimat diakhiri dengan penerangan Program - program Pra Diploma oleh En. Wan Mohd Yaseer Bin Mohd Abdoh serta ucapan penghargaan kepada pihak pengurusan sekolah, yang diwakili oleh En. Hairil Anuar (kaunselor) kerana sudi menerima kunjungan UiTM Perlis serta selamat maju jaya kepada calon – calon yang hadir pada hari tersebut.

# PROGRAM UITM PRIHATIN PENEROKAAN TANPA SEMPADAN BAGI PELAJAR PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI, UITM CAWANGAN KEDAH

ANJURAN: UNIT PRA PENDIDIKAN TINGGI DENGAN KERJASAMA UNIT KAUNSELING, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UITM KEDAH

Oleh: Nurdiana Hassan

TARIKH: 5hb hingga 27hb April 2021

Program ini dianjurkan khusus kepada pelajar Pra Pengajian Tinggi (PPT) di UiTM Cawangan Kedah. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi perhatian dan sokongan moral kepada pelajar PPT serta mencapai objektif-objektif yang berikut:

1.Memberi pendedahan dan pengenalan kepada pelajar PPT berkaitan kepentingan mengenali personaliti diri dengan baik.

2.Memberi penjelasan kepada pelajar PPT berkaitan kepentingan mengenali bidang kerjaya serta kecenderungan diri di dalam bidang pekerjaan yang bersesuaian.

3.Memberi persiapan mental dan fizikal kepada pelajar untuk mengekalkan semangat pembelajaran semasa pendemik COVID-19 yang masih belum berakhir.

4.Memberi motivasi kepada pelajar PPT berkaitan pengurusan kehidupan zaman belajar.



# PROGRAM UITM PRIHATIN PENEROKAAN TANPA SEMPADAN BAGI PELAJAR PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI, UITM CAWANGAN KEDAH

ANJURAN: UNIT PRA PENDIDIKAN TINGGI DENGAN KERJASAMA UNIT KAUNSELING, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UITM KEDAH

Oleh: Nurdiana Hassan
TARIKH: 5hb hingga 27hb April 2021



Program ini berlangsung selama empat minggu. Program ini juga akan diadakan program pelancaran pada tarikh yang ditetapkan serta akan berlangsung selama dua jam

- SESI 1 - PELANCARAN DAN PENYERAHAN MENTOR SERTA MENTEE (Menjalankan Bimbingan Kaunseling mengenai pengurusan kendiri pelajar) - Sesi bimbingan individu dan bimbingan kelompok

- SESI 2 “ Who Am I ? ” (Ujian Psikologi ; Iventori Personaliti Warna, IPS) - Sesi bimbingan kelompok

- SESI 3 “ My Career ” (Ujian Psikologi ; Iventori Minat Kerjaya SDS) - Sesi bimbingan kelompok

- SESI 4 “ Jom Cemerlang Bersama ! ” - Sesi Kaunseling individu

# UiTM PRIHATIN: Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTMCJ - Kalkulator Saintifik

**Oleh: Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar**

**Tarikh: 11 April 2021**













Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTMCJ yang dilancarkan seiringan dengan matlamat UiTM Prihatin dalam membantu kebajikan pelajar khususnya pelajar-pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) telah merancakkan agendanya dengan pemberian bantuan kalkulator saintifik kepada empat pelajar yang bertuah.

Pelajar-pelajar ini yang pada mulanya berniat untuk membayar kos pembelian kalkulator ini setelah menerima wang elaun PPT ternyata teruja dan bersyukur setelah dimaklumkan mereka akan menerima kalkulator saintifik secara percuma hasil sumbangan staf UiTMCJ melalui Kempen Jom Ligan Pahala.

Usaha murni ini juga telah dilihat dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh demi mencapai keputusan yang cemerlang dan kejayaan pada masa hadapan.

# UiTM PRIHATIN: Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTMCJ - Nombor Pin BSN

**Oleh: Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar**

**Tarikh: 14 April 2021**




Seiring dengan matlamat UiTM Prihatin dalam memastikan para pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) bersedia menyambung pengajian ke peringkat Diploma ke UiTM, bantuan pembelian nombor pin BSN telah dilaksanakan. Pembelian juga telah dilakukan oleh Koordinator PPT sendiri di cawangan BSN terdekat bagi meminimakan pergerakan pelajar saat pandemik.

Bantuan yang disalurkan hasil daripada Kempen Jom Ligan Pahala PPT UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) ini telah membantu seramai 30 pelajar membuat permohonan penerapan ke program Diploma UiTM dengan lancar.

Penerima-penerima sumbangan ternyata gembira dan bersyukur kerana urusan mereka telah dipermudahkan dan berjanji akan terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.



# UiTM PRIHATIN : Program Motivasi Diri Bersama Pelajar Pra Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling

**Oleh: Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar**

**Tarikh: 8 April 2021, 22 April 2021, 27 Mei 2021, 10 Jun 2021 & 17 Jun 2021**




Program UiTM Prihatin tidak sahaja tertumpu kepada pemberian sumbangan berbentuk kewangan dan barangan. Oleh itu, Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Johor berbesar hati menganjurkan 5 siri program motivasi bersama 38 pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT).

Program Motivasi Diri Bersama Pelajar PPT yang telah berlangsung bermula April sehingga Jun 2021 ini dijalankan secara dalam talian melalui platform *Google Meet.*






Setiap siri program menampilkan fokus yang berbeza antaranya:

**Siri 1:** ***Learning at Your Fingertips***

**Siri 2:** ***English Is Fun***

**Siri 3:** ***Me + You = Us***

**Siri 4: Kenali Minat dan Halatuju Kerjaya Anda**

**Siri 5: Pengurusan Tekanan untuk Kesihatan Mental**




Program yang menyokong sahsiah dan mental pelajar ini dilihat telah membantu mereka dalam pembelajaran dan kehidupan seharian terutamanya dalam mendepani cabaran saat pandemik.

# Bengkel Dan Perbincangan Analisisa Data Kualitatif Dan Penerbitan Jurnal Impaks Tinggi

14

**Tarikh: 21 April 2021**






Pada 21 Julai yang lalu, satu sesi perbincangan dan bengkelperbincangan analisisa data kualitatif dan penerbitan jurnal impaks tinggi telah diadakan di bilik mesyurat PPT. Dr Norshamlina Che Abdul Rahim, Pegawai Kesihatan dari Institut Kesihatan Negara merupakan penceramah yang dijemput. Beliau sering dijemput oleh pihak UiTM antaranya ACIS dan Pusat Bahasa memandangkan kepakaran beliau dalam data kualitatif, penerbitan jurnal berindeks Q1, penulisan di platform digital, terlibat dengan penyeliaan pelajar master dan PhD, panel validate questionnaire, penyelidik bersama beberapa pakar di university tempatan serta beberapa penerbitan buku. Sesi perbincangan bersama Pengarah PPT, PM Dr Aini Jaapar diteruskan agar program PPT dapat disebar luas kepada Institut Kesihatan Negara. Di dalam perbincangan tersebut juga, cadangan untuk diadakan sesi kesedaran kesihatan kepada pelajar PPT dan kajian ketasnya akan diadakan pada masa hadapan. Program di akhiri dengan penyerahan sijil penghargaan kepada Dr Norshamlina.

# TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG




**TARIKH: 21 APRIL 2021**

**HARI : RABU**

**MASA : 10:00 PAGI - 11:30 PAGI**

# PROGRAM KAMI PRIHATIN 4.0 UITM PRIHATIN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) PULAU PINANG

Oleh: Suhaiza Hassan

Tarikh: 24 April 2021

Tempat: UiTM Pulau Pinang





PERMATANG PAUH: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang di sini berjaya mengumpul dana sehingga RM38,000 dalam bentuk wang tunai serta barangan keperluan harian di bawah program Kami Prihatin 4.0 untuk diagihkan kepada kira-kira 350 penerima kurang berkemampuan di sekitar kawasan ini.

Rektornya, Prof. Dr. Salmiah Kasolang berkata, jumlah dana itu berganda berbanding tahun lepas dan merupakan yang tertinggi setakat ini sejak program tersebut dilancarkan pada 2018.

Jelas beliau, pihaknya menyasarkan mengumpul dana sehingga RM50,000 menjelang tahun depan melihat kepada sumbangan memberangsangkan yang diterima untuk program berkenaan.

“Selain dana yang dikutip hasil inisiatif kakitangan serta penuntut universiti, kita turut menerima sumbangan beberapa pihak termasuk Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim), syarikat penyelenggaraan jalan, THB Maintenance Sdn. Bhd. serta restoran makanan barat terkenal di sini iaitu Pak Mat Western.

# LAWATAN MUHIBAH KE INSTITUT SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL

Tarikh: 28 April 2021





# PROGRAM 1PERSON 1CAN (1P1C), FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN SERTA PRA PENDIDIKAN TINGGI, UITM PERLIS.

Oleh: Wan Mohd Yaseer Bin Mohd Abdoh

**Tarikh: 30 April 2021**
**Tempat: UiTM Perlis**

ARAU: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) bersama Pra Pendidikan Tinggi (PPT), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis (UiTM Perlis) mengambil kesempatan dan keberkatan bulan Ramadan 1442 Hijrah dengan mengadakan satu program yang dinamakan 1 Person 1 Can (1P1C), Edisi ke 4. Sepanjang program ini berlangsung, penganjur telah membuat kutipan barangan serta wang tunai dan telah disalurkan kepada seramai 30 keluarga asnaf di sekitar UiTM Perlis.



Sumbangan disampaikan oleh Profesor Haji Khudzir Bin Haji Ismail, Rektor UiTM Perlis.

Program 1 Person 1 Can (1P1C) telah di penghujungnya di Masjid Muhammadiah, Kampung Guar Gajah, pada 30 April 2021. Sumbangan kepada 30 asnaf ini dilakukan dengan kebenaran dan persetujuan daripada Tuan Haji Mohd Nazim Bin Haji Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs) dan Jawatankuasa Masjid Muhammadiah. Pihak MAIPs juga telah membantu dengan memberikan senarai nama kesemua 30 asnaf yang tinggal sekitar kariah yang sama dengan UiTM Perlis.

Yang Berbahagia Prof dalam ucapan aluannya, amat bersyukur kerana pihak FPP Bersama PPT dapat menganjurkan program ini buat kali ke 4 meskipun dalam keadaan negara dan rakyat sedang mengharungi cabaran Pandemik COVID 19. Beliau berharap bantuan yang semampunya dapat dihulurkan itu pada Ramadan kali ini dapat meringankan sedikit kesusahan penduduk sekitar UiTM Perlis.



# PROGRAM ZIARAH UITM PRIHATIN PPT UITM PULAU PINANG

OLEH : SUHAIZA HASSAN

**Pada 3 Mei yang lalu, PPT UiTM Pulau Pinang telah membuat program UiTM prihatin dengan mengadakan sesi ziarah selama tiga siri kepada pelajar-pelajar PPT mereka di sekitar Pulau Pinang. Turut serta dalam program tersebut adalah koordinator Pulau Pinang Puan Suhaiza Hasan dan Puan Kartini Saad dari unit pentadbiran . Penyampaian sumbangan juga turut diberi kepada alumni PPT UiTMCPP yang sedang menyambung pengajian mereka di peringkat diploma.**



Tarikh : 3 Mei 2021

Tempat: Sekitar Pulau Pinang



# LAWATAN MUHIBAH KE PEJABAT BAHAGIAN TRANSFORMASI UNIVERSITI

Tarikh: 3 Mei 2021
Hari: Isnin





Satu sesi lawatan muhibah dan kunjungan hormat ke Pejabat Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bersama dengan Unit Statistik telah diadakan pada 3 Mei yang lalu.

Bahagian Transformasi Universiti (BTU), yang diletakkan di bawah Naib Canselor adalah bahagian yang menyelaraskan perancangan strategik Universiti dan menguruskan maklumat rasmi strategik Universiti. Di samping itu, ia mengambil peranan Pejabat Pengurusan Program Institusi (iPMO) untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KKM).

Tujuan lawatan ini adalah antaranya sesi ramah mesra antara jabatan, perbincangan kepentingan statistik maklumat data PPT dan validasi dan penyediaan data pelajar PPT 2010-2021. Kehadiran dari BTU terdiri daripada Pengarahnya Prof Ts Dr Norhayati Saad, Prof Madya Dr Alawi Sulaiman, Prof Madya Dr Zaibunnisa Abdul Haiyee, Ts Dr Nor Fashiha Hashim, Puan Zurita Akhma Abd Jalil, Ahmad Nizam Ismail dan En Mohd Sufian Ruslan

# TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA SEKOLAH MENENGAH HAJI MUHAMMAD, BAHAU, NEGERI SEMBILAN




**TARIKH:** **5 MEI 2021**

**HARI : RABU**

**MASA : 11:00 PAGI - 12:30 TENGAHARI**

# BAKUL MAKANAN UITM PRIHATIN 2.0 PPT UITMCSH SEMESTER MAC – OGOS 2021

Oleh : Haji Mulyadi Guliling

**Tarikh: 7 Mei 2021**





**Mari ke Tanjung Membeli Cincin,
Cincin Kelor selendang Satin,
Gerak Ramadhan Gerak Prihatin,
Mari Menyumbang Serlahkan Prihatin,
Begitulah pantun yang disampaikan kepada staf dan alumni untuk menjayakan program Bakul Makanan UiTM Prihatin 2.0 UiTMCSH Kampus Tawau.**

**Alhamdulillah. Penyerahan sumbangan bakul makanan dan duit raya UiTM Prihatin 2.0 kepada para Pelajar B40-Pra Pendidikan Tinggi PPT UiTMCSH telah dapat dilaksanakan.**

**Seperti yang kita sedia maklum, semua pelajar PPT UiTM sedang menjalani kuliah secara ODL dari rumah masing-masing. Untuk itu bagi meringankan beban & bertanya khabar, ziarah PPT UiTMCSH Prihatin 2.0 dilaksanakan khususnya bagi pelajar yang berada di daerah Tawau. Manakala, bagi pelajar di luar daerah, sumbangan dalam bentuk wang tunai sempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri akan dikreditkan ke dalam akaun bank pelajar terbabit.**

**Encik Asmad Mohd. Noor & Encik Adif Akbar Aidil Adha telah menyampaikan amanah sumbangan bakul makanan dan duit raya kepada pelajar B40 PPT UiTMCSH.**

**Ya Allah, jangan biarkan Ramadhan ini pergi tanpa meninggalkan nilai-nilai kebaikan dan keinsafan di hati-hati kami.**

**#terimakasihpenyumbang #uitmprihatin #alumniuitm #pptuitmsabah**

# SUMBANGAN DUIT RAYA UITM PRIHATIN 2.0 PPT UITMCSH SEMESTER MAC – OGOS 2021

Oleh: Haji Muliyadi Guliling





**Tarikh : 10 Mei 2021**
**Hari : Isnin**

**"Terima kasih saya ucapkan kepada para penyumbang. Saya sangat menghargai penerimaan ini dan wang ini saya akan gunakan dengan cermat. Sekali lagi saya dan keluarga merakamkan penghargaan kepada pihak tuan-tuan dan puan-puan". - Pelajar dari Papar.**

**"Selamat Hari Raya. Terima kasih. Semoga dimurahkan rezeki. Aamiin".- Pelajar dari Lahad Datu.**

**"Saya mengucapkan terima kasih kepada penyumbang".- Pelajar dari Petagas.**

"Terima kasih atas sumbangan daripada UiTM. Saya bersyukur dan menghargainya".- Pelajar dari Putatan.



**Ucapan seperti di atas jelas menunjukkan rasa syukur para pelajar yang telah menerima duit raya sempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri. Duit raya ini adalah hasil sumbangan daripada staf dan alumni UiTM. Kesemua pelajar B40-Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTMCSH yang terpilih berada di luar daerah Tawau. Sumbangan dikreditkan ke dalam akaun bank pelajar tersebut.**
**Jutaan terima kasih kepada semua penyumbang yang terlibat dalam menjayakan program UiTM PRIHATIN 2.0 PPT UiTMCSH ini.**
**#terimakasihpenyumbang #uitmprihatin #alumniuitm #pptuitmsabah**

# PROGRAM SALAM AIDILFITRI PPT UITMCPP PRIHATIN 2021

OLEH : SUHAIZA HASSAN



Tarikh: 10 Mei 2021
Hari : Isnin

**Program Salam Aidilfitri PPT UiTMCPP Prihatin 2021**🌙
Jutaan terima kasih kepada semua penyumbang
#pptuitmpenang #uitmprihatin

**Bento RM14 x 8 = RM112**
Chocolate Raya RM8 x 29= RM232
Duit Raya RM10X13= RM130

**Duit Raya RM20 x 16= RM320**
**Duit Kami Prihatin RM100 x 3 = RM300**
**Postage = RM145**
**Total : RM1239.00**

**Penerima : Semua pelajar PPT semester Mac 2021**
- ✔ **24 pelajar BA002**
- ✔ **13 pelajar BA003**



# TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) KE UITM CAWANGAN JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG

Oleh: Siti Zarikh Sofiah dan Ts Siti Nafisah Md Rashid
Tarikh : 24 Mei dan 25 Mei 2021











Fakulti Sains Gunaan (FSG) UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang dengan kerjasama Unit PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi ke UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang pada 24 hingga 25 Mei 2021. Ia adalah sebagai persediaan memandangkan program Pra Diploma Sains akan ditawarkan di kampus Pasir Gudang bermula pada sesi Oktober 2021 nanti. Program ini telah berlangsung selama dua hari. Pada hari pertama, beberapa siri taklimat telah disampaikan oleh wakil-wakil PPT iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Aini Jaapar, En. Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim dan Pn. Rosdiana Abd Razak. Taklimat merangkumi pengenalan berkenaan program PPT, tatacara pengisian borang permohonan PPT dan aktiviti promosi program PPT. Di samping itu, terdapat juga sesi perkongsian daripada beberapa koordinator PPT tentang amalan terbaik dalam pengurusan program PPT di kampus-kampus cawangan.

**Antara koordinator yang turut memberikan perkongsian adalah Pn. Siti Zarikh Sofia mewakili UiTM Cawangan Johor, Pn. Suhaiza Hasan mewakili UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Ts. Siti Nafisah mewakili UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini telah berlangsung secara atas talian menggunakan platform Cisco Webex, dan ditayangkan secara langsung menerusi YouTube Channel UiTM Cawangan Johor untuk tontonan semua warga UiTMCJ. Ia turut dirasmikan oleh Rektor UiTM Cawangan Johor iaitu Profesor Dr. Ismail Ahmad. Program pada hari kedua ini memfokuskan kepada penerangan berkenaan kurikulum Pra Diploma Sains oleh Pengurus Utama program, iaitu kampus Kuala Pilah. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dr. Noorlis Ahmad selaku Timbalan Rektor HEA UiTM Cawangan Negeri Sembilan, diikuti oleh sesi taklimat berkenaan program Pra Diploma Sains oleh Ts. Siti Nafisah dan taklimat berkenaan fasiliti makmal sains UiTM Pasir Gudang oleh Dr. Nur Hazirah Rozali Annuar selaku Koordinator Kursus FSG UiTM Pasir Gudang. Di samping itu, terdapat juga penerangan secara terperinci berkaitan dengan kurikulum bagi setiap subjek yang telah disampaikan oleh Pensyarah Sumber melibatkan kod CHM083, PHY083, MAT083, MAT086 dan ELC010. Pensyarah Sumber yang terlibat adalah Pn. Siti Noriah Mohd Shotor, Pn. Azlina Baha, Cik Nadiah Mohamed, Pn. Nur Rasyida Mohd Rashid dan Pn. Nur Adibah Zamri. Malah, terdapat juga perkongsian daripada pensyarah yang berpengalaman dalam mengajar program pra diploma sains, iaitu Profesor Madya Ts. Dr Sheikh Ahmad Izaddin untuk subjek kimia dan En. Muhamad Izzat Rahim bagi subjek Bahasa Inggeris.**






# ALUMNI BERBUDI, PPT BERBAHASA.

OLEH: Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar

**Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM merakamkan ucapan terima kasih kepada alumni PPT, Seri binti Sukri yang turut menyumbang tenaga dan masa dalam mempromosikan Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM. Terkini, Seri bertindak proaktif dengan mempromosikan Program PPT UiTM menerusi akaun TikTok @Serisukri yang dilihat lebih berkesan dalam menyebarkan maklumat kerana aplikasi tersebut digunakan oleh sebilangan besar golongan remaja dan belia. Seri binti Sukri merupakan pelajar aktif lepasan Pra Diploma Perdagangan UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat pada tahun 2018 dan kini sedang menyambung pengajian di UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah dalam Diploma Komunikasi dan Pengajian Media.**

**TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA MOHAMAD ALI, RANAU, SABAH & SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN TUNKU, MIRI, SARAWAK**

TARIKH: 28 Mei 2021



# TAKLIMAT POGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI UITM BERSAMA SMK DATUK HAJI ABDUL SAMAD

**Oleh: Ts. Siti Nafisah Md Rashid**

TARIKH: 31 Mei 2021




Pada 31 Mei 2021 yang lalu, satu sesi taklimat yang disampaikan oleh koordinator UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Ts. Siti Nafisah Md Rashid kepada warga SMK Datuk Haji Abdul Samad, Port Dickson, Negeri Sembilan telah dijalankan bagi memberi maklumat tentang program PPT. Program ini telah dihadiri oleh para pelajar daripada kelas tingkatan 4, 5 dan juga lepasan SPM 2020 yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan halatuju program pengajian selepas tamat persekolahan di peringkat sekolah menengah. Ia telah dilaksanakan secara atas talian, menggunakan platform Google Meet. Program turut dihadiri oleh En. Haziq selaku Kaunselor sekolah dan juga Puan Nur Hidayati selaku Guru Penyelaras Tingkatan 5.







# SESI TAKLIMAT BERSAMA PPT UITM PULAU PINANG DALAM SIRI 2: CERITA-CERITA KAMPUS

Oleh: Suhaiza Hassan

“Di mana ada kemahuan di situ ada *highway*” Pada 12 Jun 2021, satu sesi taklimat program PPT kepada lepasan-lepasan SPM telah disampaikan oleh Puan Suhaiza Hasan , koordinator PPT UiTM cawangan Pulau Pinang. Program tersebut adalah anjuran Kerjasama Majlis guru kaunseling Pulau Pinang dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Siri Cerita-cerita Kampus ini ternyata mempunyai peminatnya yang tersendiri iaitu para pelajar lepasan SPM serta pelajar yang masih belajar di sekolah juga. Semoga info-info penting khusunya berkaitan kemasukan ke Program Pra Pendidikan Tinggi akan dapat terus disebar luas untuk manfaat semua pelajar sebagai platform untuk menyambung pengajian ke UiTM. #UiTMdihatiku

# PERBINCANGAN PPT UITM KELANTAN DAN JABATAN PENDIDIKAN DAERAH

Oleh: Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh

Tarikh: 13 Jun 2021




Pada 13 Jun yang lalu, satu perbincangan tentang program yang akan dijalankan berkaitan peluang dan kelebihan program pra diploma UiTM telah dijalankan . Perbincangan tersebut telah dihadiri oleh Datuk Hj. Kamarudin bin Md Nor, Ketua Bahagian PPBM Pasir Puteh merangkap Pengerusi Pimpinan Bersatu Negeri Kelantan dan Hj.Tuan Silmi bin Tuan Ismail Pegawai Pendidikan Daerah, Pasir Puteh Kelantan. Perbincangana tersebut telah memutuskan untuk mengadakan program yang bertajuk “PELUANG PENGAJIAN DI UiTM BAGI PELAJAR LEPASAN SPM TAHUN 2020”. Sasaran peserta adalah di kalangan para pelajar-pelajar lepasan SPM dan juga para ibu-bapa dan guru-guru yang tinggal di dalam daerah Pasir Puteh. Program ini dirancang untuk diadakan secara dalam talian iaitu melaui platform Google Meet pada 17 Jun 2021 dan taklimatnya akan disampaikan oleh En. Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh, Koordinator Unit Misi Akademik dan Program Pra Pendidikan Tinggi.

# EKSPO MAYA SELANGKAH KE UITM 2021 : PELUANG KE UITM MELALUI PROGRAM PRA DIPLOMA

**Tarikh: 13-14 Jun 2021**







Pada 13 dan 14 Jun yang lalu, PPT telah turut serta dalam program ekspo selangkah ke UiTM 2021. Program yang berlangsung selama 2 hari telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari calon lepasan SPM dan ibu bapa. Program yang dimulakan dengan taklimat pengenalan PPT oleh Pengarah PPT, PM Ts DR Aini Jaapar dan diteruskan dengan sesi soal jawab oleh pengunjung kepada staf PPT yang bertugas . Pihak penganjur mengucapkan jutaan terima kasih diatas penglibatan yang sangat komited semua staf yang bertugas .




# SESI TAKLIMAT BERSAMA PPT UITM NEGERI SEMBILAN DALAM SIRI 2 BERSAMA SMK DATUK HJ ABD SAMAD

Oleh: Ts. Siti Nafisah Md Rashid

Tarikh: 15 Jun 2021

Pada 15 Jun 2021 yang lalu, siri kedua sesi taklimat program PPT kepada lepasan-lepasan SPM telah disampaikan oleh Ts Siti Nafisah Md Rashid, Koordinator PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan kepada warga SMK Datuk Hj Abd Samad. Taklimat secara atas talian ini memfokuskan kepada penerangan berkenaan kemasukan ke UiTM melalui laluan pra diploma sains dan pra diploma perdagangan, di samping pemakluman terkini berkenaan tatacara permohonan yang perlu dilakukan secara atas talian bermula pada sesi ini. Selain itu, platform ini juga telah digunakan untuk memberikan hebahan awal berkenaan program akademik baru yang bakal ditawarkan pada masa akan datang, iaitu Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera), Pra Diploma Agroteknologi dan Pra Diploma Pengajian Islam. Semoga dengan sesi perkongsian ini, UiTM sentiasa menjadi pilihan utama bagi calon-calon lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

# TAKLIMAT SELANGKAH KE UITM BERSAMA MAJLIS SUKAN NEGERI KELANTAN

Oleh: Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh
Tarikh : 15 Jun 2021




Pada 15 Jun, En. Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh, Koordinator Unit Misi Akademik dan Program Pra Pendidikan Tinggi telah mengadakan taklimat selangkah ke UiTM bersama Majlis Sukan Negeri Kelantan. En Ahmad Tarmizy Mohammed, Timbalan Pengarah Pusat Sukan UiTM turut sama hadir di dalam sesi taklimat ini. Para peserta yang telah menghadiri taklimat ini terdiri daripada para pelajar lepasan SPM 2020 di sekitar Kelantan. Malah, ibu-bapa dan dan para staf MSN juga turut sama hadir mendengar perkongsian meklumat berkaitan peluang-peluang pengajian ke UiTM bagi calon-calon yang aktif dalam bidang sukan.

# FORUM SELANGKAH KE MENARA GADING

Oleh: Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh
Tarikh 15 Jun 2021




Satu program inisiatif daripada guru Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Bukit Bunga, Tanah Merah Kelantan, telah berjaya menganjurkan program Forum Selangkah Ke Menara Gading pada 15 Jun 2021. Program ini telah diadakan secara maya melalui platform Google Meet. Para peserta terdiri daripada para pelajar lepasan SPM dan para guru dan staf PPD Tanah Merah Kelantan. Program ini didahului dengan ucapan aluan oleh pengetua SMK Bukit Bunga, En. Abdul Aziz Bin Abdul Hamid. Program ini juga telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Tanah Merah Tn. Hj Nik Muhamad Nik Lib. Alhamdulillah, program telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Kebanyakan peserta memberikan kerjasama dengan berinteraksi dengan En. Mohamad Sayuti Bin Md.Saleh, Koordinator Unit Misi Akademik dan Program Pra Pendidikan Tinggi semasa program berlangsung. Para guru dan pengetua juga turut sama berterima kasih dan berpuas hati.

# PROGRAM SELANGKAH KE MASA HADAPAN BERSAMA ICEPS NCER




**TARKH : 15 JUN 2021**

**HARI : SELASA**

**MASA : 10:30 PAGI - 12:30 TENGAHARI**

# TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CLIFFORD, PAHANG

TARIKH: 17 & 18 JUN 2021

HARI : KHAMIS & JUMAAT



# MESYUARAT PENYELARASAN LEPASAN SPM MURID ORANG ASLI TAHUN 2020

Tarikh: 18 Jun 2021




Mesyuarat penyelarasan lepasan SPM murid orang asli tahun 2020 telah dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Modal insan dan Kebajikan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia pada 18 Jun yang lalu. PPT juga diberi kesempatan untuk memberi taklimat program dalam mesyuarat tersebut.

# UNIT PPT UiTMCPP DI FORUM PENGAMBILAN KE IPT ANJURAN HUMAN CAPITAL INNOVATION AND SOCIAL ENGAGEMENT (HCISE) UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

Oleh: Suhaiza Hassan

Tarih: 19 Jun 2021

19 JUN 2021-Satu Forum Pengambilan ke IPT telah dianjurkan oleh Human Capital Innovation and Social Engagement (HCISE) UiTM Cawangan Pulau Pinang. Berkonsepkan “anda tanya kami jawab” 1001 persoalan kemasukan ke IPT telah dikupas dan dibincangkan. Koordinator PPT UiTMCPP, Pn Suhaiza Hasan antara ahli panel yang telah diundang untuk menjawab persoalan berkaitan kemasukan ke program Pra Pendiidkan Tinggi. Selain itu program ini turut melibatkan wakil dari Politeknik Balik Pulau, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam, Institut Latihat Perindustrian (ILP) Kepala batas, PERDA TECH dan Penang Skills Development Centre (PSDC). Semoga program ini dapat membuka minda dan pengetahuan ke mana  hala tuju selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).






# A CSR PROGRAM FROM FINAL YEAR STUDENT OF MECHANICAL ENGINEERING WITH PPT

TARIKH: 19 JUN 2021



## TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PULAU PINANG LALUAN KHAS ATLET ALI, RANAU, SABAH & SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN TUNKU, MIRI, SARAWAK

---






# TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA MAJLIS GURU KAUNSELING NEGERI MELAKA

TARIKH: 22 JUN 2021



# TAKLIMAT PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA MAJLIS GURU KAUNSELING NEGERI MELAKA

TARIKH: 23 JUN 2021

HARI : RABU



# IMPROVING YOURSELF : The Believe in Self Empowerment: PPT UiTM Pahang

Oleh: Zahid Laton

Tarikh: 25 Jun 2021




**Pada 25 Jun 2021, pelajar-pelajar Pra Diploma di bawah program PPT UiTM Pahang Kampus Jengka telah menyertai sesi webinar "Improving Yourself (the belief in self empowerment)". Program atas inisiatif Fakulti Sains Komputer & Matematik dan mendapat dorongan daripada unit PPT UiTM Pahang, Kampus Jengka adalah bertujuan untuk memberi ruang berkongsi masalah di dalam pembelajaran atas talian mereka dan memberikan ruang kepada pensyarah untuk berkongsi pengalaman belajar mereka dengan para pelajar Pra Diploma. Pensyarah yang memberikan tips-tips dan perkongsian adalah merupakan pensyarah yang pernah belajar di dalam program pra diploma pada satu masa dahulu dan kini mereka telah menjadi pensyarah. Turut serta di dalam memberikan sokongan di dalam program ini adalah Pengarah PPT Shah Alam dan Koordinator PPT UiTM Pahang, Kampus Jengka.**

# TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UITM PERAK BERSAMA GURU-GURU

**Zarina Salim**

**TARIKH: 25 Jun 2021**



# TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) PUNCAK ALAM DAN FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN

Oleh Dr Azmaniza Azizam

Tarikh: 27 Jun 2021

Hari: Ahad

Satu Taklimat Pra Pendidikan Laluan Atlet anjuran PPT Puncak Alam dengan kerjasama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah diadakan pada hari Ahad, 27 Jun 2021. Seramai 100 pelajar lepasan SPM 2021 dan guru kaunseling daripada 16 buah sekolah sukan seluruh Malaysia telah menghadiri taklimat tersebut. Berikut adalah sekolah sukan yang telah menghadiri taklimat Pra Pendidikan Tinggi Laluan Atlet yang telah dianjurkan:







**ANTARA SEKOLAH YANG TERLIBAT DALAM TAKLIMAT**

1. SMK SERI TITIWANGSA (KL)
2. SMK ZABA (N9)
3. SMK PUTERA , Kota Bharu (KELANTAN)
4. SMK SEBERANG TEMERLOH (PAHANG)
5. SSN SELANGOR (SELANGOR)
6. SMK BANDAR PENAWAR ( JOHOR)
7. SM GUNUNG RAPAT (PERAK)
8. SMK SYED HASSAN (PERLIS)
9. SSM Pahang (PAHANG)
10. SSM Terengganu (TERENGGANU)

# TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM 2021

OLEH: NURDIANA HASSAN

TARIKH: 29 JUN 2021




**ANJURAN PELAJAR TAHUN AKHIR KOLEJ KEJURUTERAAN UiTM SHAH ALAM DENGAN UNIT BIMBINGAN & KAUNSELING SMK DATO JAAFAR, JB**

**PESERTA:**

**SEKOLAH MENENGAH SEKITAR DAERAH JITRA KEDAH:**

1. SMK SERI MAHAWANGSA
2. SMK TENGKU BENDAHARA
3. SMK AYER HITAM
4. SMK MEGAT DEWA
5. SMK PULAU NYIOR
6. SMA HIDAYAH ISLAMIAH
7. SMK HOSBA

# PPT INNOVATIVE RESEARCH, INVETION AND APPLICATION EXHIBITION: I-RIA 2021(UUM)

**Tarikh: 5 Julai 2021**


i-ria 2021

BRONZE

CERTIFICATE

OF RECOGNITION

Bronze Medalist

PROUDLY PRESENTED TO

**WAN ZURAIDA WAN MOHD ZAIN, MUHAMMAD AKRAM BIN RAHMAN, AINI JAAPAR, MADZLINA BINTI MAHDZAR, AHMAD SHAHRIL AZWAN BIN ABDUL RAHIM**

(NON-STATISTICAL BACKGROUND FRIENDLY SOFTWARE APPLICATION FOR DATA ANALYSIS AT PRA-PENGAJIAN TINGGI (PPT) OFFICE)

FOR THE SUCCESSFUL ACHIEVEMENT IN

**INNOVATIVE RESEARCH, INVENTION AND APPLICATION EXHIBITION**

**DR. MOHAMAD FARHAN MOHAMAD MOHSIN**

Director

Innovative Research Invention & Application Exhibition

Universiti Utara Malaysia

UUM

UTHM






# PLANNING FOR FUTURE EXCELLENCE 2021

**Tarikh: 9 Julai 2021**

**Hari: Jumaat**

**Masa: 2:00 petang – 4:00 Petang**






# PROGRAM PERSEDIAAN PPT UITM BAGI MELAHIRKAN STEM DALAM CABARAN ABAD KE 21

**Tarikh: 9 Julai 2021**

Pada 9 Julai 2021 yang lalu, Pejabat Program Pra Pengajian Tinggi (PPT), UiTM Shah Alam dengan kerjasama National STEM Association (NSA) telah mengadakan satu webinar iaitu 'WEBINAR PERSEDIAAN PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UITM BAGI MELAHIRKAN GENERASI STEM DALAM CABARAN ABAD KE 21.". Panel-panel adalah terdiri daripada Pengarah PPT, PM Dr Aini Jaapar dan Koordinator cawangan dari Negeri Sembilan, Sabah dan Pulau Pinang yang menawarkan program Pra Diploma Sains. Umumnya , PPT menawarkan dua program akademik utama iaitu Pra Diploma Perdagangangan dan Sains yang membabitkan di 13 buah kampus cawangan UiTM di seluruh negara.

Terkini, program Pra Diploma Sains (Aliran Stem C dan Sastera) dan juga program Pra diploma Agroteknologi dan Pengajian Islam juga akan ditawarkan dalam waktu terdekat. Semoga dengan usaha webinar STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) ini dapat menarik lebih ramai lagi pelajar ke arah melahirkan generasi muda yang berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan hadapi cabaran teknologi baharu yang diperlukan bagi industri 4.0

# PROGRAM BUAL BICARA ALUMNI : Bringing Access To Succes, Everyone is an achiever




Tarikh : 10 Julai 2021

Pengurusan Pejabat PPT UiTM yang diterajui oleh Pengarahnya, PM Ts Dr Aini Jaapar telah membuat inisiatif kepada pelajar-pelajar Pra Diploma UiTM dalam memberi aspirasi dan motivasi belajar dengan mengadakan kerjasama julung pertama kalinya webinar bersama alumni. Webinar ini telah menjemput panel khas iaitu YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Kadir bin Hj. Rosline, Rektor UiTM Cawangan Sabah yang juga alumni Pra Perdagangangan Diploma UiTM.

# BERITA STAF

## STAF PPT YANG BARU DILANTIK

3 MEI 2021

Dr Nor Azmaniza Azizam - Pemangku Koordinator Pra Diploma Puncak Alam

16 Ogos 2021

## UCAPAN TAKZIAH

3 MEI 2021

Perkhabaran duka dari Kampus Kuala Pilah. Pada hari ini kami telah kehilangan seorang staf iaitu Dr Rosli Noormi yang sangat aktif dengan program-program promosi dan motivasi dengan pelajar-pelajar pra diploma di Kuala Pilah. Beliau telah Kembali ke rahmatullah pada bulan yang mulia ini. Bagi sesiapa yang mengenali arwah, sama-sama kita sedekahkan Al-fatihah untuk arwah Dr Rosli Noormi. Moga diberikan ketabahan kepada keluarga beliau di atas ujian ini.

## UCAPAN TAHNIAH

4 MEI 2021

Dr Nursaadatun Nisak Ahmad, Koordinator Puncak Alam telah selamat melahirkan seorang bayi lelaki.

Semoga menjadi anak yang soleh dan menjadi kebanggaan ibu dan ayah.

# RAKAN STRATEGIK PPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Pengambilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf

iCEPS
INSTITUTE OF CONTINUING EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

Sime Darby YAYASAN

JAKOA
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

Sumbangan melalui sistem Fine e-Pay

https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AA/05/33



Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi
Universiti Teknologi MARA

# FASA-FASA PENAWARAN PRA DIPLOMA SESI KEMASUKAN OKTOBER 2021

TEMPAT ADALAH TERHAD DAN TERTAKLUK KEPADA KEKOSONGAN KAMPUS DAN PROGRAM

| | Tempoh Proses Borang Lengkap dan Layak | Keputusan / Masa Diumumkan | Persetujuan Klik Setuju Terima Tawaran Dan Pendaftaran Pelajar Secara Online |
|---|---|---|---|
| **FASA 1** | 17/06/2021 (Khamis) - 23/07/2021 (Jumaat) | 02/08/2021 (Isnin) 5:00 Petang | 02/08/2021 (Isnin) - 26/09/2021 (Ahad) |
| **FASA 2** | 03/08/2021 (Selasa) - 10/09/2021 (Jumaat) | 17/09/2021 (Jumaat) 5:00 Petang | 17/09/2021 (Jumaat) - 26/09/2021 (Ahad) |

Semakan Hebahan Keputusan di **www.online. uitm. edu. my**

(1) Calon yang ditawarkan dan menerima tawaran perlu melaksanakan klik setuju terima tawaran dengan kadar segera.
(2) Calon yang tidak membuat keputusan samada setuju terima tawaran akan dianggap sebagai menolak tawaran.

FASA-FASA DAN TARIKH-TARIKH INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA PINDAAN 17/06/2021

# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PRA DIPLOMA (PPT) DALAM TALIAN

## Sesi Oktober 2021

**Calon ke laman sesawang www.online.uitm.edu.my/ppt**

**1**

1. Muat turun dan baca manual Pemohon.
2. Baca semua perkara penting di skrin utama.

**2**

1. Calon emel ke Unit PPT Kampus cawangan mengikut alamat Negeri yang berhampiran untuk mendapatkan nombor pin percuma.
2. Di dalam emel nyatakan nama penuh, nombor IC, no telefon dan emel.

**3**

Pihak Unit PPT akan membalas emel dengan memberikan nombor pin percuma tersebut.

**4**

1. Calon membuat permohonan dalam talian.
2. Calon menghantar semua dokumen-dokumen lampiran yang berkaitan kepada emel UniT PPT yang memberikan nombor pin tersebut.

**5**

1. Calon menyemak keputusan permohonan di www.online.uitm.edu.my
2. Tarikh-tarikh keputusan penawaran seperti fasa-fasa penawaran yang dinyatakan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi

# PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

PERMOHONAN **KINI DIBUKA**

- PRA PERDAGANGAN
- PRA SAINS
- PRA AGROTEKNOLOGI
- PRA SAINS (ALIRAN STEM C & SASTERA)

## PRA PERDAGANGAN

**Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu**
LULUS Sejarah
LULUS Bahasa Inggeris
LULUS Matematik / Matematik Tambahan

## PRA SAINS

**Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu**
LULUS Sejarah
LULUS Bahasa Inggeris
KEPUJIAN Matematik / Matematik Tambahan
LULUS Fizik / Kimia / Biologi / Sains Tambahan

## PRA AGROTEKNOLOGI

**Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu**
LULUS Sejarah
LULUS Bahasa Inggeris
LULUS 1 daripada mana-mana pelajaran berikut: Pertanian / Fizik / Kimia / Biologi / Sains / Sains Tambahan / Ekonomi / Perniagaan / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan

## PRA SAINS (ALIRAN STEM C & SASTERA)

**Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu**
LULUS Sejarah
LULUS Bahasa Inggeris
KEPUJIAN Matematik / Matematik Tambahan
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Sains

Kategori Permohonan:

- PPT B40
- PPT BUKAN B40
- PPT ATLET
- PPT ORANG ASLI

## PPT B40

- ✓ Percuma Kolej Kediaman
- ✓ Elaun Sara Hidup Sepanjang Tempoh Pengajian daripada RM 800 Sehingga RM 1700 (1 Semester)
- ✓ Pelajar Lulus Program Ini DIJAMIN Ke Lebih 60 Program Diploma UiTM
- ✓ Anak-anak Melayu dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa KURANG dari RM5,000 sebulan
- ✓ Terbuka juga kepada PPT-Atlet

## PPT BUKAN B40

- ✓ Membayar Yuran Pengajian & Kolej Kediaman
- ✓ Tiada Elaun Sara Hidup Sepanjang Tempoh Pengajian
- ✓ Pelajar Lulus Program Ini DIJAMIN Ke Lebih 60 Program Diploma UiTM
- ✓ Anak-anak Melayu dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa LEBIH dari RM5,000 sebulan
- ✓ Terbuka juga kepada PPT-Atlet

## PPT ATLET

- ✓ Anak-anak Melayu, Orang Asli dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang aktif penglibatan dalam sukan.

## PPT ORANG ASLI

- ✓ Anak-anak Orang Asli di bandar dan luar bandar.
- ✓ Yuran pengajian ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

**3** Langkah Mudah Permohonan

**i) No Pin**
E-mel Nama, No Telefon & No Kad Pengenalan kepada Pejabat PPT*

**ii) Borang**
Lengkapkan borang permohonan di pautan online.uitm.edu.my/ppt

**iii) Dokumen**
E-mel dokumen lampiran yang lengkap kepada Pejabat PPT*

**Sila e-mel kepada Pejabat PPT mengikut semasa pemohon*

Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPT) merupakan salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Akademik Antarabangsa (BHEA) UiTM dan secara langsungnya berperanan menjalankan fungsi tanggungjawab sosial UiTM untuk menguruskan pengambilan pelajar di peringkat Pra Diploma UiTM untuk kategori B40 dan bukan B40. Program PPT merupakan laluan khas kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak memenuhi syarat asas untuk meneruskan pengajian di universiti awam untuk meneruskan pengajian di UiTM dan *feeder* ke program diploma UiTM. Setelah tamat menjalani program pra, para pelajar ini akan diserapkan ke pengajian di peringkat Diploma di Fakulti pilihan pelajar di UiTM. Calon-calon pelajar bagi program PPT adalah mereka yang terdiri daripada anak Melayu, anak Negeri Sarawak, anak Negeri Sabah, anak Orang Asli dan laluan khas atlet.

**MAKLUMAT LANJUT:**

**Sidang Editor**
Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)
Kompleks Antarabangsa
Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

+603 5521 1443 / 1448 / 1449

https://pppt.uitm.edu.my

+603 5543 7969

PPT UiTM Pejabat Pengarah

pppt@uitm.edu.my

eISSN 2773-6008
9 772773 600008

**©PPT 2021 I Jilid 3/2021 (Julai)**
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any forms or by any means, including photocopying and recording, without the written permission of the copyright holder, application for which should be addressed to the publisher. Such written permission must also be obtained before any part of this publication is restored in a retrieval system of any nature.